

**PARLIMEN  
MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat  
Dijawab Dalam Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian**

**HARI SELASA : 01 NOVEMBER 2011**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**





perlu diberi perhatian agar ia tidak menjejaskan sumber pendapatan Kerajaan serta digunakan secara lebih efisien. Justeru, bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah melaksanakan penstrukturan semula subsidi petrol dan diesel mulai 16 Julai 2010 dimana subsidi bagi petrol RON95 dan diesel telah dikurangkan sebanyak 5 sen seliter. Harga petrol RON97 pula telah diapungkan secara terkawal. Anggaran penjimatan daripada penstrukturan semula subsidi tersebut adalah sebanyak RM700 juta. Seterusnya, pada 4 Disember 2010 Kerajaan sekali lagi telah melaksanakan rasionalisasi subsidi dengan mengurangkan subsidi ke atas petrol RON95 dan diesel sebanyak 5 sen seliter. Langkah ini dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak RM1.0 bilion.

Selain itu, sebagai langkah untuk menguruskan perbelanjaan subsidi secara lebih efisien, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan pemberian *super subsidy* kepada 9 jenis pengangkutan darat mulai 1 Jun 2011. Jika sebelum ini harga diesel bersubsidi bagi pengangkutan awam adalah sebanyak RM1.48 seliter, kini harga diesel bersubsidi adalah RM1.80 seliter seperti mana harga jualan runcit. Kenderaan-kenderaan bagi sektor pengangkutan darat yang terlibat adalah:

1. Penggerak Utama (Prime Mover)
2. Kargo Am
3. Lori Luton Kotak
4. Van -Rigid
5. Lori Rigid Bagi Minuman Botol
6. Lori Tangki Rigid Bagi Tepung
7. Lori Rigid Refrigerated
8. Lori Tangki Air
9. Teksi Limosin

Selain daripada sektor pengangkutan darat, sektor nelayan Zon C2 juga telah dimansuhkan *super subsidy* dimana harga diesel bersubsidi selepas rasionalisasi adalah RM1.80 seliter berbanding RM1.25.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA                      Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]

TARIKH                          1 November 2011 (Isnin)

SOALAN                          2

Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan terdapat berapa buah syarikat penerbangan sudah sedia menggunakan Lapangan Terbang Batu Berendam untuk pesawat mereka

(a) Sila berikan jadual dan destinasi masing-masing dan tarikh mula operasinya; dan

(b) Berapakah peratusan penggunaan Lapangan Terbang Batu Berendam setakat ini dan nyatakan usaha Kementerian untuk menambah baik keadaan ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini hanya sebuah Syarikat penerbangan yang beroperasi di Lapangan Terbang Melaka iaitu syarikat penerbangan Wings Air yang telahpun memulakan operasi dari Pekan Baru, Indonesia ke Melaka bermula 7 September 2010. Syarikat penerbangan ini beroperasi tiga kali seminggu iaitu pada hari Rabu, Jumaat dan Ahad dengan menggunakan pesawat jenis ATR-72.

Berdasarkan statistik berakhir Disember 2010, Lapangan Terbang Melaka mencatatkan jumlah pergerakan penumpang sebanyak 21,687 iaitu kapasiti 1.45%.

Pelbagai usaha dan pendekatan telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Lapangan Terbang ini di antaranya:

- I. Melaka telah dimasukkan sebagai salah satu destinasi yang akan diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services*. Di bawah Perjanjian, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat termasuk Lapangan Terbang Melaka;
- II. Memberikan diskaun kepada setiap penumpang antarabangsa *Passenger Service Charge* (PSC) kepada RM 26 yang menggunakan '*secondary airport*' termasuk Lapangan Terbang Melaka;
- III. menawarkan pelbagai insentif kepada semua syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke Lapangan Terbang Melaka oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) seperti, memberikan *free handling charge* kepada syarikat penerbangan yang baru beroperasi bagi tempoh 3 tahun dan kadar sewa pejabat percuma untuk tempoh 6

bulan; dan

- IV. Inisiatif Kerajaan Negeri menubuhkan syarikat penerbangan *Malacca Air* dan mereka telah menjalin kerjasama strategik dengan syarikat penerbangan FireFly untuk mengadakan penerbangan domestik bermula akhir tahun ini ke destinasi Pulau Pinang dan Kota Bharu.





**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARI PAD  
A**

**DATUK DR. MARCUS  
MOJIGOH [PUTATAN]**

**TARIKH**

**1 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI  
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) sama ada perjanjian Malaysia yang dibuat pada tahun 1963 (*The Malaysian Agreement 1963*) masih relevan; dan
- (b) adakah perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam perjanjian tersebut telah ditunaikan atau dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Salinan Perjanjian Malaysia yang ditandatangani di London pada 9 Julai 1963 di antara United Kingdom dengan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura ada tersimpan di Jabatan Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta dengan nombor rujukan P.75 dan tersedia untuk dirujuk oleh orang awam. Ini selaras dengan

## SOALAN NO: 13

Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], Seksyen 7(m) menyatakan bahawa fungsi Ketua Pengarah Arkib Negara ialah menyediakan kemudahan bagi penyelidikan dan perujukan.

Mengenai sama ada perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam perjanjian tersebut telah ditunaikan atau dilaksanakan, Kementerian ini berpendapat perkara ini memerlukan kajian terperinci dilaksanakan oleh mereka yang arif dari aspek perundangan untuk mentafsirkan setiap perkara yang terkandung di dalam perjanjian tersebut dan sejauh mana ia telah ditunaikan. Kementerian ini juga tidak mempunyai kuasa untuk menentukan perkara ini.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]

TARIKH 1 November 2011 (Selasa)

#### SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) apakah peranan Unit Pengurusan, Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dalam membangunkan usahawan Bumiputera; dan
- (b) sehingga kini sudahkah PEMANDU mencapai objektifnya atau kewujudannya harus dikaji semula.

Jawapan (a):

Tuan Yang di-Pertua,

**No. SOALAN: 4**

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah menjalankan 6 makmal *Strategic Reform Initiatives* (SRI) di mana ia telah ditugaskan untuk memperincikan prog ram-prog ram yang boleh dilaksanakan hasil daripada 51 cadangan polisi yang telah disyorkan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) menerusi buku Model Ekonomi Baru bahagian akhir. Makmal ini telah dijalankan selama 6 minggu pada bulan April dan Mei 2011.

Salah satu daripada makmal SRI tersebut adalah makmal *Narrowing Disparities/Bumiputera SMEs*. Makmal ini bertujuan untuk mengenal pasti langkah-langkah untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera dalam perniagaan kecil dan sederhana (PKS) dengan mengambil tindakan afirmatif yang mesra pasaran, telus, berdasarkan keperluan dan berdasarkan merit supaya syarikat-syarikat atau usahawan-usahawan tersebut dapat bersaing dalam ekonomi arus perdana.

Bagi fasa pertama, 100 PKS Bumi sederhana dan 1000 PKS kecil/mikro akan dipilih untuk terlibat dalam program ini. Pemilihan dijalankan secara terbuka dan telus, dan sesiapa sahaja golongan Bumiputera boleh memohon untuk terlibat dalam program TERAS ini. Kriteria pemilihan mengambil kira jumlah ekuiti golongan Bumiputera dalam syarikat tersebut, pengurusan tertinggi adalah daripada kaum Bumiputera, dan paling penting adalah keupayaan untuk berdaya saing di dalam pasaran. Sebagai contoh, minimum 50% daripada hasil (revenue) syarikat tersebut diperoleh daripada sumber bukan kerajaan dan sebaik-baiknya memiliki penarafan Biro Kredit Malaysia yang baik (kemungkinan mungkar kurang 20%).

Setelah PEMANDU merangka butiran-butiran tersebut, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) kini mengambil alih tanggungjawab untuk mengimplimentasi program TERAS ini. Sekiranya dilihat di akhbar harian,

sering kali iklan-iklan dipaparkan oleh TERAJU untuk menarik minat golongan Bumiputera untuk membuat permohonan menyertai program ini.

Dapat kita lihat bahawa unit-unit kerajaan saling bantu-membantu antara satu sama lain demi kebaikan setiap kaum seterusnya membantu negara mencapai status negara berpendapatan tinggi selaras dengan visi 2020.

Jawapan (b):

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) merupakan satu unit dibawah Jabatan Perdana Menteri dan objektif utama PEMANDU adalah menyelia pelaksanaan, menilai kemajuan, memudahcara menyokong penyampaian dan memacu kemajuan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Di bawah program GTP, Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Result Areas* (NKRA) telah memperkenalkan enam bidang NKRA iaitu Mengurangkan Jenayah, Membanteras Rasuah, Meningkatkan Pendidikan, Pengangkutan Awam Bandar, Infrastruktur Asas Luar Bandar dan Menaik Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah. Pencapaian keseluruhan GTP pada 2010 adalah ia telah

berjaya mencapai 121 peratus target yang telah ditetapkan merangkumi keenam-enam bidang NKRA.

Bagi program ETP, ianya adalah satu usaha komprehensif yang dilihat akan mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ia akan meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang AS\$6,700 atau RM23.700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48.000 pada 2020, dengan itu memacu kemajuan negara ke tahap yang sama dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain. Perkembangan PNK sebanyak 6 peratus setahun akan membolehkan kita mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020.

Sehingga September 2011, sebanyak 97 inisiatif telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri bagi 70 jenis *Entry Point Projects* (EPP). Daripada jumlah inisiatif tersebut, 53 peratus EPP telah berjaya dilaksanakan, RM 171 billion pelaburan yang akan dilaburkan, RM 228 billion PNK dapat dicapai pada 2020 dan 372,361 peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

Dalam tempoh setengah tahun pertama, *Foreign Direct Investment* (FDI) dan dagangan di Malaysia juga telah melonjak dengan sangat tinggi. Kadar FDI bagi setengah tahun pertama 2010 adalah sebanyak RM 12.1 bilion dan ia telah melonjak sebanyak 110 peratus kepada RM

21.2 bilion pada akhir Jun 2011. Jumlah dagangan pada setengah tahun pertama 2011 pula telah meningkat sebanyak 7.9 peratus menjadikan jumlah keseluruhannya RM 614.3 bilion berbanding RM 569.3 bilion pada setengah tahun pertam 2010.

Ini dapat membuktikan bahawa program GTP dan ETP dapat mendatangkan hasil yang sangat lumayan kepada rakyat dan negara. Walau bagaimanapun, usaha yang berterusan harus dilipatgandakan bagi memberikan impak yang paling maksima kepada rakyat dan negara yang kita cintai ini.

**Soalan No : 5**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEDUA BELAS, TAUN 2011 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN PEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ISMAIL BIN  
KASIM (ARAU)**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan**

**Wilayah** menyatakan apakah tahap pelaksanaan projek-projek bekalan air, elektrik dan rumah di kawasan luar bandar mengikut negeri dari tahun 2009 hingga kini dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan.

**JAWAPAN**



Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM2.58 billion bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bermula dari tahun 2009 sehingga kini. Secara umumnya,

- 1) Pada tahun 2009, sebanyak 671 buah projek melibatkan kos berjumlah RM267.38 juta telah disiapkan;
- 2) Pada tahun 2010, sebanyak 554 buah projek melibatkan kos berjumlah RM413.4 juta telah disiapkan; dan
- 3) Pada tahun 2011, sebanyak 1,089 buah projek yang melibatkan kos sebanyak RM1.97 billion sedang di dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan Disember 2011.

Bagi pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM2.47 billion bermula dari tahun 2009 sehingga kini. Secara umumnya,

- 1) Pada tahun 2009, sebanyak 296 buah projek melibatkan kos berjumlah RM410.38 juta telah disiapkan;
- 2) Pada tahun 2010, sebanyak 387 buah projek melibatkan kos berjumlah RM703.1 juta telah

disiapkan; dan

- 3) Pada tahun 2011, sejumlah RM1.36 billion telah diperuntukkan untuk melaksanakan 582 buah projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 146 buah projek telah disiapkan dan baki 436 buah projek sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan Disember 2011.

### **Tuan Yang Dipertua,**

Tahap pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) di kawasan luar bandar sepanjang tahun 2009 sehingga September 2011 ialah 54,374 unit rumah dan peruntukan yang telah dibelanjakan mencecah RM1.36 bilion.

Pada tahun 2009 sebanyak 19,467 unit rumah telah siap dibina yang mana sejumlah 592 unit rumah telah dibina di negeri Perlis. Kos perbelanjaan bagi pembinaan PBR ialah RM551.1 juta untuk seluruh Malaysia.

Bagi tahun 2010 sejumlah RM431.6 juta telah dibelanjakan bagi menampung pembinaan 16,926 unit rumah di seluruh negara. Sebanyak 116 unit rumah telah dibina di Negeri

Perlis.

Pada tahun 2011 sehingga September, sejumlah 7,514 unit rumah telah siap dibina yang mana perbelanjaan kos adalah sebanyak RM 154.54 juta. Negeri Perlis telah diperuntukkan RM1.64 juta untuk membina 70 unit rumah.

Soalan No : 6

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. PUAN TEO NIE CHING</b> <b>(SERDANG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>01.11.2011</b>

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan pembinaan SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang dan sama ada sekolah-sekolah tersebut akan diizinkan untuk membina bangunan sekolah di atas tapak rizab pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan perkembangan pembinaan SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Kerajaan sebelum Pilihan Raya Umum 2008, Sukacita dimaklumkan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dapat menyelesaikan masalah perolehan tanah dengan membenarkan dua tapak rezab pendidikan digunakan bagi tujuan pembinaan SJKC Sungai Long dan SJKC Kajang Utama seperti mana yang diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran semasa lawatan kerja beliau ke negeri Selangor pada 22 Oktober 2011 dan

tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak bagi SJKC Sungai Long adalah di sebahagian Lot 26154, Seksyen 5, Bandar Ceras, Hulu Langat iaitu bersebelahan dengan SMK Sungai Long, Kajang. Manakala bagi SJKC Kajang ialah di sebahagian Lot 300, Seksyen 10, Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat iaitu di Taman Kajang Utama.

Berhubung dengan status permohonan SJKC Bukit Serdang pula, KPM masih meneliti permohonan yang dikemukakan. Adalah menjadi hasrat KPM untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna bagi memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat di kawasan tersebut.



## SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI  
[ SABAK BERNAM ]

TARIKH

1 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan semangat cintakan tanah air atau patriotisme di kalangan rakyat khususnya di kalangan kanak-kanak, remaja dan belia.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan rakyat dengan merangka beberapa strategi yang bersifat jangka pendek (pencegahan), jangka sederhana (pengukuhan) dan jangka panjang (pengamalan). Melalui strategi yang bersifat penguatkuasaan, mendidik serta membudayakan pemikiran rakyat dan pengamalan secara berterusan dalam kehidupan seharian, dilihat dapat mengukuhkan lagi jati diri dan semangat cintakan tanah air.

## SOALAN NO: 13

Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa menerapkan elemen-elemen semangat cintakan tanah air dalam setiap program yang dianjurkan termasuk di kalangan kanak-kanak, remaja dan belia melalui program dan penerbitan buku seperti Pameran Patriotik 1 Malaysia, Bicara Negarawan, pertandingan mewarna dan pengedaran bahan penerbitan sebagai usaha untuk mengukuhkan semangat cintakan negara di kalangan kanak-kanak, remaja dan belia.

Media massa merupakan alternatif paling berkesan bagi menyemai semangat patriotisme dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan belia memandangkan merekalah golongan yang paling banyak menonton televisyen. Sehubungan itu, KPKK melalui RTM telah bekerjasama dengan universiti tempatan dalam penciptaan lagu-lagu patriotik dan juga kempen-kempen Kerajaan. Pendekatan ini disampaikan kepada khalayak melalui pengisian prog ram-prog ram TV seperti filem, drama dan kempen-kempen kerajaan yang diklasifikasikan mempunyai elemen-elemen jati diri dan pembinaan negara bangsa melalui saluran RTM iaitu TV1, TV2 dan TVi.





**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN DARI PADA</b>	<b>LISA N</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>YB. TUAN JEFF 001 CHUAN AUN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>JELUTONG</b>
<b>NO. SOALAN</b>	<b>1.11.2011 (SELASA)</b>

**YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan cukai import dan memberikan Approved Permit (AP) ke atas kenderaan-kenderaan bomba terpakai yang bakal dihadiahkan oleh organisasi-organisasi luar negeri termasuk Jepun yang akan digunakan untuk tujuan bomba sukarelawan Malaysia.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengimportan kenderaan bomba di bawah kod tarif 8705 30 000 (*Fire Fighting Vehicles*) tidak memerlukan Lesen Import (AP).

Dasar semasa menetapkan semua kenderaan bomba yang diimport termasuk kenderaan bomba yang dihadiahkan tertakluk kepada cukai jualan sebanyak 10% dan duti import sebanyak 30%. Kerajaan pada masa ini masih belum bercadang untuk memansuhkan cukai jualan dan duti import ke atas kenderaan bomba. Walau bagaimanapun, sebarang cadangan akan diteliti untuk tindakan lanjut pihak Kementerian Kewangan mengikut keperluan semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT SRI**

**KAWASAN**

**AMAN**

**TARIKH**

**SOALAN**

**1 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

**Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan dalam RMKe-10 untuk membina jalan protokol empat lorong dari Simpang jalan Temudok ke Bandar Sri Aman.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Q7 dari Simpang Jalan Temudok ke Bandar Seri Aman sepanjang 9 kilometer merupakan Jalan Negeri dengan standard piawai JKR R3, satu lorong dua hala. Bagi sesuatu jalan yang hendak dipertimbangkan untuk dikategorikan sebagai jalan Protokol perlu memenuhi spesifikasi seperti berikut:

- (i) Melalui kawasan bandar;
- (ii) Menghubungkan premis-premis kerajaan, istana dan lapangan terbang;
- (iii) Mempunyai minimum dua (2) lorong dua (2) hala / empat (4) lorong; dan
- (iv) Mempunyai landskap.

Jalan Protokol juga mempunyai kitaran kerja penyenggaraan rutin yang melebihi daripada kerja-kerja penyenggaraan rutin Jalan Persekutuan yang lain. Kitaran kerja penyenggaraan rutin bagi Jalan Protokol adalah seperti berikut:

- (i) Kitaran kerja potong rumput sebanyak 2 kali sebulan berbanding Jalan Persekutuan lain sebanyak 1 kali

sebulan; dan

- (ii) Mencuci perabut jalan, *culvert*, jambatan dan longkang sebanyak 4 kali setahun berbanding jalan Persekutuan lain sebanyak 2 kali setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, hasil daripada pemeriksaan awal pihak Kementerian mendapati jalan tersebut (ayak dipertimbangkan untuk dinaik taraf kepada 4 lorong bagi memenuhi spesifikasi Jalan Protokol. Sehubungan itu, memandangkan jalan ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, cadangan untuk menaiktaraf danewartakan sebagai Jalan Protokol adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya bersedia untuk membantu jika dipohon oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**Soalan No : 10**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
(SIK)**

**TARIKH**

**01.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam usaha memartabatkan sistem Pendidikan Negara, adakah kerajaan bermatlamat untuk, mengembalikan perbelanjaan perkapita untuk

Sekolah Agama Rakyat (SAR - Rendah dan Menengah), jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN**

**NO. SOALAN: 11**

Tuan Yang di-Pertua,

Sungguhpun Sekolah Agama Rakyat (SAR) bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), namun atas keprihatinan Kerajaan, bantuan kewangan tetap disalurkan bagi membantu sekolah berkenaan menyediakan kemudahan pendidikan yang lebih kondusif. Sehubungan itu, dari tahun 2006 hingga kini sejumlah RM312.8 juta telah disalurkan kepada SAR.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa membuka ruang kepada semua Sekolah Agama Rakyat (SAR) untuk mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bagi melayakkan sekolah berkenaan mendapat segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Antara kemudahan tersebut termasuklah bantuan perkapita seperti mana yang dinikmati oleh semua sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan. Justeru, KPM berkeyakinan dengan penyaluran bantuan tersebut, SAR mampu memastikan kualiti pendidikan kebangsaan relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta akhirnya dapat memenuhi keperluan pembangunan pendidikan negara.

Rjm 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA** Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan  
[ Hulu Selangor ]

**TARIKH** 1 NOVEMBER 2011 (SELASA)

**SOALAN**

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

**NO. SOALAN: 12**

- (a) pencapaian dan kejayaan Dana Belia 1 Malaysia setakat ini; dan
- (b) maklumat terperinci penerima serta projek dan kejayaan penerima-penerima Dana ini dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi Dana supaya dapat membantu lebih ramai lagi Belia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Dana Belia adalah satu peruntukkan dari 1 Malaysia Development Berhad bertujuan menyediakan platform untuk menggalakkan pembangunan dan perpaduan di kalangan belia di Malaysia. Setakat ini, sudah RM4 juta daripada jumlah dana RM20 juta telah pun diperuntukan kepada 90 penerima yang telah menghantar permohonan kepada 1MDB ataupun rakan-rakan usahama seperti myHarapan, BN Youth Lab dan TV3.

2. Keputusan untuk menyalurkan dana ke sesuatu projek dibuat oleh panel penilai, yang akan memproses setiap permohonan dan membuat penilaian berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Kebanyakan projek yang terpilih adalah projek yang berdasarkan komuniti, termasuklah projek berteraskan kesukanan, alam sekitar, seni dan keusahawanan.

Senarai penerima projek dan maklumat projek boleh didapati di [www.danabelia.com.my](http://www.danabelia.com.my). Antara projek-projek yang terpilih termasuklah penyediaan portal tuisyen percuma bagi pelajar-pelajar persediaan Sijil Pelajaran Malaysia, program mentor-menti di antara pelajar universiti dan anak-anak rumah kebajikan di Lembah Kelang, projek keusahawanan batik bagi remaja pinggir bandar di Kelantan dan program menaiktaraf hidup komuniti nelayan di Sabah.

Baki perutukan dana berjumlah RM16 juta dan tiada perancangan untuk menambah jumlah dana tersebut buat masa ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN :**           **LISAN**  
**DARIPADA**               **TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**  
                                  **[ KUALA LANGAT ]**  
**TARIKH**                 **1 NOVEMBER 2011**  
**RUJUKAN**               **4147**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan sistem biometrik untuk pekerja asing yang telah dilancarkan oleh Kerajaan dalam membanteras penyeludupan manusia serta pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dalam negara.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sehingga 21 September 2011, seramai **5,086,656** orang warga asing telah direkodkan di bawah **Sistem Pangkalan Data Biometrik** dan **Sistem Sekuriti Nasional** yang mana dikenali sebagai *National*



*Enforcement and Registration System' (NERS)*. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,016,908 orang adalah pekerja asing yang sah dan seramai 1,303,126 orang lagi adalah jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang didaftarkan di bawah Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/ PATI (Program 6P). Manakala baki seramai 2,766,622 adalah data warga asing yang memasuki negara sebagai pelawat melalui pintu-pintu masuk yang diwartakan.

Melalui sistem NERS ini, cap jari serta biodata setiap warga asing akan disimpan secara elektronik. Hasilnya, Kerajaan mempunyai profil setiap warga asing yang memasuki dan berada dalam negara ini. Profil tersebut akan dimuatkan dalam pangkalan data yang boleh diguna pakai secara holistik oleh agensi-agensi selain Jabatan Imigresen Malaysia di mana rujukan silang sentiasa dapat dilakukan dengan pangkalan data agensi masing-masing bagi tujuan pelbagai. Data-data ini yang diperolehi dari sistem NERS ini tidak boleh diubah, dimana maklumat identiti seseorang warga asing itu akan disimpan kekal.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengambilan biometrik ini dibuat berasaskan piawaian antarabangsa yang mana membolehkan kerjasama di antara agensi-agensi antarabangsa dan agensi-agensi penguat kuasa dalam negara dilakukan dengan lebih berkesan.

Memandangkan maklumat identiti warga asing yang terdiri dari data biometrik dan biodata ini disimpan kekal, ini secara langsung boleh mengekang penggunaan dokumen perjalanan berdasarkan identiti palsu bagi tujuan kemasukan ke Malaysia atau sebagai transit untuk ke destinasi seterusnya. Pengambilan dan pengesahan biometrik seseorang warga

asing yang telah direkodkan sebelum ini boleh disemak dengan pangkalan data NERS yang berupaya mengesahkan identiti warga asing tersebut. Dengan ini, ia seterusnya boleh menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran dan data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan itu sekaligus dapat membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.

Selain itu, penggunaan sistem biometrik ini juga boleh memberi kesan positif diantaranya seperti berikut :-

- (i) Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara kita; dan keduanya
- (ii) Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing dimana sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara.

**DARIPADA YB. DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN ]**

**TARIKH** **PEMBERITAHU PERTANYAAN** **SELASA, 1**  
**RUJUKAN** **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA** **NOVEMBER**

**SOALAN**

**PERTANYAAN LISAN**

**2011 03 [PR-1243-L45799]**

**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan setakat ini berapakah bangunan bersejarah di Jalan Sultan, Jalan Petaling, Jalan Tun HS Lee dan persekitarannya telah di roboh atau diambil alih untuk pembangunan. Apakah garis panduan dan justifikasinya

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pandan, Jalan Sultan, Jalan Petaling dan Jalan Tun HS Lee berada di dalam kawasan warisan sekunder (kawasan yang mempunyai kedua-dua bangunan warisan dan bangunan bukan warisan tetapi kawasan tersebut lebih dominan kepada bangunan warisan).

Terdapat 11 bangunan warisan kategori 3 (kebanyakannya rumah kedai atau bangunan yang mempunyai rekabentuk fasad yang signifikan dari segi senibina atau sejarah) di Jalan Sultan, 9 daripadanya adalah rumah kedai dan 2 bangunan individu.

Di Jalan Petaling pula, terdapat 74 buah bangunan warisan kategori 3 di mana 73 daripadanya adalah rumah kedai dan 1 bangunan kuil kategori 2 (bangunan warisan yang mempunyai signifikan dari segi senibina dan sejarah, yang dicadangkan untuk digazetkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005).

Manakala di Jalan Tun HS Lee, terdapat satu (1) bangunan warisan kategori 1 (bangunan warisan yang telah digazetkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005) iaitu di Bangunan Panggung Drama (KL Culture Park).

Setakat ini, tiada bangunan-bangunan di sekitar kawasan ini yang telah diroboh atau diambil alih untuk tujuan pembangunan kecuali Bangunan Uda dan Plaza Warisan yang telah dirobohkan dan dibina semula dengan penambahan tingkat dan mengekalkan fasad asal rumah kedai.

Sebarang pembangunan, tambahan dan perubahan pada bangunan-bangunan warisan kategori 1, 2 dan 3 ini hendaklah dirujuk kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Warisan Negara.

Garis panduan yang digunapakai oleh DBKL ialah Garis Panduan Pengekalan Di Dalam Pusat Bandar. Pihak DBKL kini sedang dalam proses mengemaskini dan membangunkan '*Heritage Design Guideline and Management Plans*' yang lebih komprehensif untuk memastikan bangunan dan kawasan warisan di Kuala Lumpur terpelihara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**            **LISA  
N**  
**DARIPADA**            **Y.B. DR. HIEW KING CHEU [ KOTA KINABALU ]**  
**TARIKH**                **1 November 2011 (SELASA)**  
**SOALAN**

**Y.B. Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah perigi minyak di perairan Sabah dan Malaysia dan sama ada Sabah mendapat bahagian dari perigi minyak yang di luar perairan Sabah. Berapakah jumlah pengeluaran harian di Sabah sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun berakhir 31 Mac 2011, Malaysia mempunyai sebanyak 117 lapangan petroleum yang sedang dalam pengeluaran. Manakala di luar perairan negeri Sabah, terdapat sebanyak 15 lapangan petroleum dan hasil dari lapangan-lapangan tersebut telah diberikan terus kepada negeri Sabah. Purata pengeluaran petroleum bagi lapangan di negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Mac 2011 ialah sebanyak 192 ribu tong sehari.

**SOALAN NO.: 1**

**NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**     **LISAN**  
**DARI PADA**     **Y.B. DATUK WEE JECK SENG TANJUNG PIAI 1**  
**KAWASAN**       **NOV 2011 (SELASA)**  
**TARIKH**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI]**  
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah  
Kerajaan bercadang untuk menaiktaraf laluan Pontian ke Kukup bagi  
mengatasi kerosakan yang sedia ada.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan dari Pontian ke Kukup (FT 95) sepanjang 21.4 kilometer merupakan jalan dengan standard piawai JKR R5, 1 lorong 2 hala. Hasil daripada banci Kementerian Kerja Raya pada tahun 2010 menunjukkan jumlah kenderaan yang melalui jalan tersebut adalah tinggi iaitu 22,250 kenderaan dalam sehari dan diklasifikasikan sebagai *Level of Service* (LOS) F - jalan sesak. Sehubungan itu, pihak Kementerian akan mencadangkan agar jalan ini dinaik taraf ke 2 lorong 2 hala dalam Tempoh Separuh Masa Ketiga, RMKe-10, bagi menampung jumlah trafik yang kian meningkat. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Pada masa yang sama, pihak Kementerian sentiasa memantau dan mengambil tindakan membaik pulih ke atas sebarang masalah dan aduan berkaitan dengan kerosakan Jalan Persekutuan termasuklah jalan dari Pontian ke Kukup (FT 95). Pihak Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM4.4 juta pada tahun 2011 bagi kerja-kerja pembaikan yang melibatkan kerja-kerja turapan semula dan *Cold in-Place Recycling* (CIPR) di antara seksyen 13.0 hingga seksyen 20.0 di jalan tersebut. Kerja-kerja pembaikan berkenaan dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilantik oleh Kerajaan iaitu



syarikat Selia Senggara Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH 1 NOVEMBER 2011**

**SOALAN:**

**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan respon pihak Kerajaan terhadap protes rakyat Malaysia di serata dunia pada 8 Julai 2011 mengenai tuntutan ke arah pilihan raya yang lebih bebas, telus dan adil di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATO' SERIMOHAMEDNAZR1 ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan senantiasanya responsif terhadap perubahan-perubahan semasa dan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan proses pilihan raya di Malaysia sentiasa dilakukan oleh SPR. Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi Negara.

Namun, kebelakangan ini isu ketelusan proses pilihan raya yang diamalkan sering dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu yang lantang menyanggah kewibawaan dan keupayaan SPR dalam menjalankan fungsi- fungsinya yang telah ditetapkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, untuk berlaku adil kepada SPR dan pihak-pihak yang mempertikaikan peranan SPR, serta sejajar dengan semangat demokrasi. Kerajaan telah tampil mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi membincangkan keperluan untuk menambahbaik proses pilihan raya yang sedia agar lebih adil, telus dan demokratik serta progresif.

Ini merupakan suatu langkah bijak bagi menyediakan ruang dan peluang kepada pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan proses pilihan raya di negara ini bermuhasabah dan menyampaikan suara hati nurani

**SOALAN NO.**

(conscience) mereka, melalui wakil-wakil mereka yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya, agar suatu kajian secara komprehensif dan holistik mengenai pembaharuan proses pilihan raya dapat dilakukan dan dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[TANJONG MALIM]**

**TARIKH JAWAPAN : 1 NOVEMBER 2011 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

- (a) kadar '*non revenue water*' dalam sistem perbekalan air bersih dan jumlah kos terlibat; dan

(b) apakah usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya pengguna tidak dibebani oleh kos ketidakcekapan dalam sistem pengedaran air.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan *Malaysian Water Industry Guide (MWIG)* 2011, purata nasional kadar NRW pada tahun 2010 ialah sebanyak 36.37 peratus. Kadar ini menurun sedikit berbanding purata pada tahun 2009 yang dicatatkan pada 36.63 peratus. Walau bagaimanapun, secara lebih terperinci, purata NRW berbeza-beza dari satu negeri ke satu negeri yang lain dengan julat di antara 18.22 peratus dan 57.35 peratus. Keadaan ini telah menyebabkan kos kerugian kehilangan air terawat yang ditanggung oleh pihak Berkuasa Air Negeri adalah sekitar RM1.64 bilion melibatkan 1.8 bilion meterpadu air. Kadar NRW ini banyak dipengaruhi oleh usia aset bekalan air terutamanya paip, faktor geografi sesebuah negeri dan juga kaedah pengurusan NRW oleh setiap operator bekalan air.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya menyedari kadar NRW pada masa kini masih lagi tinggi, justeru, ianya perlu diturunkan kepada satu kadar yang lebih ekonomik. Namun begitu, ianya memerlukan perbelanjaan yang besar dan perlu dirancang secara komprehensif dan holistik. Oleh yang demikian, bagi memenuhi tujuan tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.082 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk pelaksanaan program NRW di seluruh negara. Komitmen Kerajaan diteruskan lagi melalui *Rolling Plan* Pertama (RP1) RMKe-10 dengan peruntukan siling sebanyak RM324.3 juta, dalam membantu pihak Berkuasa Air Negeri untuk menangani kadar NRW masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Antara pendekatan yang ditekankan oleh Kementerian ini dalam menangani kadar NRW kepada semua operator bekalan air untuk melaksanakan program NRW secara holistik mengikut langkah-langkah berikut:

- i. pengesanan dan membaiki kebocoran secara aktif serta komprehensif;
- ii. mewujudkan *District Metering Zones* (DMZ) keutamaan diberikan

- kepada zon-zon kebocoran;
- iii. pengurusan tekanan yang sistematik dalam sistem bekalan air;
  - iv. penggunaan bahan-bahan dan *workmanship* yang berkualiti dan kompeten dalam pelaksanaan program NRW; dan
  - v. penukaran meter-meter dan paip yang telah uzur/usang.

Tuan Yang Dipertua,

Pendekatan ini diambil kira berdasarkan kadar NRW semasa sesebuah negeri. Selain itu, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) turut memberikan fokus utama kepada program menurunkan kadar NRW di kalangan operator air terutamanya bagi tujuan membendung kehilangan komersial. Pihak SPAN, sebagai contoh, telah meningkatkan aktiviti-aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan untuk membendung kes kecurian air melalui penyambungan haram di mana ianya turut menyumbang kepada peningkatan kadar NRW di sesebuah negeri. Pada masa yang sama, pihak SPAN juga telah menetapkan supaya setiap operator air mempunyai program penurunan kadar NRW yang sistematik dan dilaksanakan secara berjadual. Justeru, setiap operator air telah diminta untuk menyediakan *Key Performance Indicator*

(KPI) bagi mengurangkan kadar NRW setiap negeri dalam usaha memastikan matlamat ini tercapai. Di samping itu, Kerajaan melalui Kementerian ini dan juga SPAN telah bekerjasama melaksanakan Kempen Jimat Air untuk mengurangkan kadar penggunaan air di negara ini.

\*\*\*\*\*

SOALAN NO.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>SHAH ALAM</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>1 NOVEMBER 2011 (SELASA)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>SOALAN</b>

**Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD**  
**[SHAH ALAM]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status  
terkini projek Hospital Shah Alam.





## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menyiapkan Kerja-Kerja Terbangkalai Hospital Shah Alam, Selangor telah melalui aspek Pengurusan Nilai (*Value Management*) yang bertujuan untuk memaksimumkan *value for money* dan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek. Bengkel Pengurusan Nilai ini telah dimulakan pada 1 April 2011 dan selesai pada 31 Mei 2011. Bengkel tersebut telah meneliti reka bentuk optimum yang meliputi aspek-aspek kemas bangunan struktur, sivil dan arkitek, kelengkapan/peralatan perubatan medikal dan bukan medikal, peralatan elektrik, ICT, peralatan mekanikal serta item berkaitan kontraktual.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan Malaysia pada 7 September 2011 telah bersetuju meluluskan kontraktor penyiap bagi projek Hospital Shah Alam berkenaan secara tender terhad. Surat Setuju Terima (*Letter of Award*) telah dikeluarkan kepada kontraktor penyiap pada 10 Oktober 2011. Tarikh milik tapak ialah pada 19 Oktober 2011 dengan tempoh siap projek selama 24 bulan, bermula dari tarikh milik tapak kontraktor penyiap tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI LILAH BIN YASIN  
(JEMPOL)**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2011**

**SOALAN : Meminta MENTERIPELANCONGAN  
menyatakan:**

- a. Sejauh manakah produk-produk pelancongan Malaysia mampu menarik kedatangan pelancong antarabangsa; dan
- b. Apakah Kementerian bercadang menjadikan Adat Papatih sebagai produk pelancongan bertaraf antarabangsa dan berapa peruntukan yang sudah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jempol, produk-produk pelancongan di Malaysia sememangnya mampu menarik kedatangan pelancong antarabangsa. Di antara produk pelancongan yang telah mendapat pengiktirafan dunia daripada UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia adalah Melaka dan Georgetown, dalam kategori warisan manakala Taman Negara Kinabalu, Sabah dan Taman Negara Mulu, Sarawak bagi kategori alam semulajadi.

Dalam menarik minat lebih ramai pelancong melawat Malaysia, produk-produk pelancongan di Malaysia terus dimanfaatkan menerusi pembangunan pakej-pakej '*niche product*' atau produk minat khas bagi memenuhi citarasa pelancong yang pelbagai.

Justeru itu, Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia sentiasa bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, agensi kerajaan, persatuan-persatuan bukan kerajaan dan juga pihak media untuk mempakejkan produk '*niche*' bagi menarik perhatian pelancong.

Antara produk-produk dan aktiviti-aktiviti pelancongan minat khas yang ditawarkan ialah :

1. Pelancongan sukan seperti golf, memancing dan *scuba diving*;
2. Lawatan ke taman-taman (*Parks and Gardens*);
3. Pelancongan Helikopter;
4. Pelancongan eko seperti pemerhatian burung (*bird watching*), eksplorasi gua (*caving*) dan menjelajahi hutan (*jungle trekking*);
5. *Spa and wellness*;
6. Beli belah (*shopping*);
7. Promosi makanan; dan
8. Pakej untuk perkahwinan dan berbulan madu.

Untuk makluman Yang Berhormat Jempol juga, Kementerian Pelancongan sentiasa menyokong dan memberi galakan kepada mana-mana pihak yang ingin mengetengahkan produk-produk pelancongan warisan seperti Adat Papatih di Negeri

Sembilan. Melalui Program Homestay di Negeri Sembilan contohnya, Adat Perpatih telah dijadikan salah satu pengisian aktiviti kebudayaan dalam pakej Homestay berkenaan seperti aktiviti "*Mock Wedding*" iaitu pelancong menggayakan pakaian tradisi masyarakat Minang. Semasa di Homestay tersebut juga, para pelancong diberi taklimat mengenai sejarah dan keunikan hidup masyarakat Minang dan Adat Perpatih sekaligus dapat mempromosikan Adat Perpatih di Negeri Sembilan ke persada antarabangsa.

Kementerian ini turut bekerjasama dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) mempromosikan Adat Perpatih melalui Program Citra Budaya Adat Perpatih yang telah diadakan pada 11 hingga 13 Mac 2011. Selain itu, penubuhan Muzium Adat di Jelebu oleh KPKK juga merupakan antara langkah bagi memperkenalkan Adat Perpatih sebagai produk pelancongan bertaraf antarabangsa.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**

**[ JERAI ]**

**TARIKH**

**1 NOVEMBER 2011 ( SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan peranan dan kejayaan yang telah dicatatkan oleh APCO Worldwide sepanjang syarikat tersebut dilantik membantu pentadbiran negara.



**JAWAPAN:**

**(DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)**

Tuan Yang Di Pertua,

Syarikat APCO Worldwide dilantik kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan komunikasi yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kapasiti kerajaan dalam bidang ini agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia. Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh APCO adalah mengendalikan latihan yang bertujuan membina kemahiran pegawai yang bertanggungjawab mengenai komunikasi. Latihan juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi koordinasi di antara kementerian dalam menyelaraskan strategi komunikasi.

Pegawai juga didedahkan kepada kaedah menganalisis dan memantau media, membina laman web, amalan terbaik media sosial, menguruskan isu-isu dan menyediakan pelan komunikasi. APCO juga membantu kementerian dengan memberi sokongan hubungan media antarabangsa, perancangan strategik serta kajian dan analisa.

Melalui pendekatan ini, kita harap dapat melahirkan kumpulan pegawai kerajaan yang mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang komunikasi dengan menggunakan kaedah moden secara berkesan.

Sekian, terima kasih.



## No. 21

Sehingga kini, 16 buah agensi telah mencapai sasaran pengisian 1% OKU di agensi masing-masing. Manakala sejumlah 25 agensi lagi telah mencapai 0.4% hingga 0.9% pengisian OKU. Ini berikutan langkah proaktif pihak berkuasa melantik dengan menetapkan keistimewaan iaitu tiada kriteria tambahan yang dikenakan ke atas OKU sebelum dipanggil temu duga dan pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan.

Sekian, terima kasih.





Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Cheras, draf terakhir perjanjian yang telah dimuktamadkan di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dikemukakan kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) untuk tujuan semakan dan ulasan pada 30 September 2011.

Seterusnya, perkembangan terkini perjanjian penswastan baru antara DBKL dengan Katchi Group Sdn Bhd adalah di peringkat semakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam menyediakan perjanjian penswastan yang baru, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memastikan bahawa semua terma perjanjian penswastan diguna pakai termasuk semua terma berkaitan dengan perlindungan yang melindungi hak dan kepentingan Datuk Bandar selaku pihak yang berkontrak dibuat sewajarnya.

Di samping itu, rundingan dengan Tetuan Stroer Malaysia juga telah dilakukan berikutan penamatan perjanjian tidak dapat diteruskan oleh pihak DBKL.



di dalam proses pembinaan dan 275 unit masih di dalam proses penyediaan perjanjian dan pembatalan.

DEWAN RAKYAT PEHBERSTAHUAN  
PERTANYAAN HeSYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS \_\_\_\_\_

**(2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HJ. NASHARUDIN BINMAT ISA  
[BACHOK]

TARIKH : 1 NOVEMBER 2011 [SELASA]

SOALAN :

Tuan Hj. Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERS menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan Akta Kawaian Pengembangan Agama Bukan Islam di kalangan orang Islam menurut Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menegaskan bahawa budaya masyarakat yang mencintai kehidupan beragama adalah salah satu kegiatan sosial yang positif. Namun beg itu, ia masih perlu kepada pemantauan dan pengawalan terutamanya apabila ia melibatkan isu penyebaran agama lain kepada penganut agama Islam.



Sememangnya sudah jelas bahawa Islam adalah merupakan agama bagi Persekutuan yang mempunyai kedudukan yang istimewa berdasarkan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, segala kegiatan agama lain hendaklah sentiasa selaras (*in conformity*) dengan kedaulatan Islam di negara ini.

Dari segi perundangan, walaupun Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memberikan hak kebebasan beragama kepada rakyat Malaysia, namun kebebasan tersebut bukanlah suatu hak yang mutlak. Ini kerana ia masih tertakluk kepada Perkara 11(4) dan (5) Perlembagaan Persekutuan.

#### Perkara 11(4) Perlembagaan

Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang Negeri dan Persekutuan boleh digubal untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam, manakala Perkara 11(5) menjelaskan bahawa kebebasan agama tersebut tidak boleh berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral.

Berdasarkan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan tersebut beberapa buah negeri telah menggubal dan menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam iaitu Negeri Terengganu, Kelantan, Selangor, Melaka, Kedah, Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perlis.

Walau bagaimanapun, adalah wajar bagi Kerajaan untuk mengambilkira latar belakang masyarakat yang berbilang kaum dan agama di negara ini

sebelum Akta tersebut boleh dikuatkuasakan di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Dalam hal ini, Kerajaan harus mempertimbangkan dengan bijaksana semua pandangan yang dikemukakan oleh masyarakat. Dalam masa yang sama, Kerajaan perlu meneliti keputusan kes-kes tertentu yang mempunyai kaitan dengan isu sensitiviti agama dan mengkaji implikasi yang mungkin berbangkit sekiranya undang-undang tersebut dikuatkuasakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN  
BUMBURING @ WILFRED  
(TUARAN)

**PERTANYAAN** LISAN

**TARIKH** 01.11.2011

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [ TUARAN ]** minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah kesan ekonomi negara berikutan penurunan nilai mata wang Amerika Syarikat

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dolar Amerika Syarikat (AS) telah mengalami trend menurun sejak awal tahun 2009, disebabkan oleh beberapa kelemahan dalam ekonomi Amerika Syarikat. Pada masa yang sama, prospek pertumbuhan yang lebih baik dalam ekonomi sedang membangun mendorong pelabur global mengalihkan pelaburan mereka daripada aset berasaskan nilai dolar AS kepada aset pasaran membangun. Walau bagaimanapun, trend ini telah diselangi dengan beberapa episod aliran keluar apabila ketidakpastian berada pada tahap yang tinggi.

2. Perlu ditekankan bahawa penilaian mengenai kesan kadar pertukaran asing terhadap ekonomi tidak hanya tertumpu semata-mata kepada satu mata

wang tertentu. Sebaliknya, kesan perubahan ringgit perlu dinilai berbanding bakul yang mencakupi mata wang rakan dagangan Malaysia yang utama. Dalam konteks ini, walaupun dolar AS telah menyusut nilai berbanding ringgit, dolar AS juga telah menyusut nilai pada kadar yang lebih kurang sama berbanding mata wang serantau dan rakan dagang Malaysia yang utama. Berdasarkan ukuran menggunakan bakul mata wang rakan dagangan yang utama ini, nilai ringgit telah meningkat hanya sebanyak 3.5% dari Mac 2009 ke September 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, pergerakan nilai ringgit boleh memberikan manfaat kepada segmen tertentu, di samping menjejaskan sebahagian segmen yang lain. Sektor perkilangan merupakan sektor yang paling terjejas dengan peningkatan nilai ringgit, terutamanya industri berorientasikan eksport seperti elektrik dan elektronik serta industri berkaitan keluaran utama. Dari sudut ini, pengukuhan mata wang ringgit telah mengurangkan pendapatan eksport, memandangkan kebanyakan syarikat hanya mampu mengikut harga yang ditentukan di pasaran antarabangsa (price taker). Sementara itu, sektor berorientasikan pasaran dalam negeri yang menggunakan input yang diimport dari luar negara akan mendapat manfaat daripada pengukuhan nilai mata wang tersebut ekoran penurunan kos import.

4. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, kenaikan mata wang ringgit tidak memberi kesan negatif yang ketara kepada ekonomi. Sektor berorientasikan eksport yang terjejas dengan pengukuhan nilai ringgit telah menangani situasi ini secara aktif menerusi lindung nilai (hedging) dan peningkatan kecekapan operasi mereka. Selain itu, pengukuhan ringgit juga telah sedikit sebanyak membendung kesan kenaikan kos, terutamanya kos bahan mentah. Sehubungan itu, kesan keseluruhan pergerakan nilai mata wang terhadap pengeksport pada jangka masa terdekat adalah terkawal. Syarikat yang mempunyai hutang di dalam dolar AS juga akan mendapat manfaat kerana penurunan mata wang AS akan mengurangkan kos

pembayaran balik hutang tersebut.  
Tuan Yang di-Pertua,

5. Dari sudut jangka masa panjang, pengukuhan nilai ringgit akan lebih menggalakkan peningkatan kecekapan operasi oleh syarikat dan mendorong peralihan ke arah aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Secara khususnya, harga input dan barangan modal yang diimport yang lebih murah boleh memudahkan proses transformasi syarikat daripada aktiviti pengeluaran berasaskan tenaga kerja kepada pengeluaran berasaskan teknologi tinggi. Aktiviti bernilai tambah tinggi ini akan menggalakkan lebih ramai pekerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi, justeru mengukuhkan lagi perbelanjaan swasta di masa hadapan.

6. Walau bagaimanapun, prestasi kadar tukaran mata wang juga bergantung kepada tahap volatiliti jangka pendek yang luar biasa. Ini berikutan ketidaktentuan yang berterusan mengenai arah tuju pemulihan ekonomi global dan kebimbangan mengenai keadaan hutang di Amerika Syarikat dan zon Eropah. Oleh itu, syarikat perniagaan perlu memberi perhatian dan mengambilkira kemungkinan berlakunya peralihan trend yang boleh menjejaskan perniagaan mereka.

tJO -£oAL4n » 26

**NO. AUM . 31**

**~~Ne.AUP :~~**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA**

**[ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH 1 NOVEMBER 2011**

**RUJUKAN : 4148**

**SOALAN:**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parlt Buntar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghentikan kutipan bayaran saman oleh pihak polis dan menyerahkan tugas kutipan kepada pihak Pos Malaysia. Ini bagi mengelakkan kejadian rasuah yang berleluasa di kalangan anggota polis.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Buntar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, buat masa ini, Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak bercadang untuk menghentikan kutipan bayaran saman di kaunter Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Statistik menunjukkan 73% Orang Kena Saman (OKS) memilih untuk membayar saman mereka di kaunter-kaunter IPD berbanding saluran bayaran saman yang lain bagi memudahkan mereka mendapatkan penjelasan secara terus daripada petugas kaunter PDRM sekiranya ada kemusykilan berhubung saman yang diterima. Walau bagaimanapun, tidak timbul isu rasuah melalui bayaran saman secara terus kepada PDRM kerana PDRM menggunakan sistem berkomputer

dalam urusan dan transaksi pembayaran saman.

Selain itu, PDRM tetap menawarkan pilihan saluran bayaran saman kepada OKS bagi memudahkan urusan pembayaran saman. Selain membayar saman di kaunter PDRM, OKS juga boleh membayar saman di 705 kaunter Pos Malaysia Berhad seluruh negara, cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terpilih, kaunter bayaran saman di pusat beli belah terpilih dan portal [www.myeg.com.my](http://www.myeg.com.my) atau [www.rilek.com.my](http://www.rilek.com.my).





**SOALAN NO: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISAN**

**TARIKH**

**DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**

**SOALAN**

**1 NOVEMBER 2011 27**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) adakah pihak Kementerian membuat kajian mengenai caj hospital pakar swasta memandangkan caj yang dikenakan ke atas pesakit yang menerima rawatan terlalu mahal terutama sekali di kawasan luar bandar: dan**
  
- (b) adakah pihak Kementerian dapat memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh hospital swasta ini mencapai piawaian perkhidmatan 'pakar' yang dimaksudkan.**

## **Tuan Yang di-Pertua**

Setakat ini, Kementerian Kesihatan belum membuat kajian mengenai caj hospital pakar swasta memandangkan pemantauan dan kawalan telah pun dibuat ke atas fi profesional yang dikenakan oleh pengamal perubatan di hospital swasta melalui Jadual Ketiga Belas, Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) berdasarkan pertanyaan dan aduan yang diterima oleh pihak Kementerian Kesihatan sejak jadual ini dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006.

Walaupun begitu, Kementerian Kesihatan telah memulakan proses pindaan ke atas Jadual Ketiga Belas bagi memastikan manipulasi ke atas fi profesional yang menyebabkan kenaikan kos rawatan boleh dielakkan antaranya dengan menyediakan nota-nota tambahan sebagai panduan dalam mengenakan fi dan menambahbaik senarai-senarai tatacara sedia ada dengan kerjasama agensi-agensi yang mewakili profesion dan akademi perubatan.

Secara dasarnya, kos rawatan yang dikenakan oleh hospital swasta adalah lebih mahal jika dibandingkan dengan kos rawatan di hospital awam kerana setiap kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh hospital swasta akan dikenakan caj terperinci. Kos rawatan adalah berbeza-beza di antara satu hospital swasta dengan hospital swasta yang lain dan bergantung di antaranya kepada kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital swasta dan kos penyenggaraan hospital di mana kebanyakan hospital swasta adalah terletak dan tertumpu di kawasan bandar dan pinggir bandar dan bukannya di luar bandar.

Walau bagaimanapun, menurut *Patients Beyond Borders, North Carolina: Health Travel Media, 2007* kos perubatan di negara ini adalah kompetitif dengan kos untuk tatacara perubatan yang sama di India dan masih lebih murah jika dibandingkan dengan negara Thailand dan Singapura. (Sila rujuk Jadual 1)

**JADUAL1: PERBANDINGAN KOS (DOLLAR US) DI ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA SERANTAU LAIN**

TATACARA	KOS (DOLLAR US)			
	INDIA	THAILAND	SINGAPURA	MALAYSIA
Pembedahan pintasan jantung	10,000	11,000	18,000	<b>9,000</b>
Angioplasti	11,000	13,000	13,000	<b>11,000</b>
Histerektomi	3,000	4,500	6,000	<b>3,000</b>
Penggantian lutut	8,500	10,000	13,000	<b>8,000</b>
Pengantian injap jantung	9,000	10,000	12,500	<b>9,000</b>
Pengantian pinggul	9,000	12,000	12,000	<b>10,000</b>
Cantuman spina	5,500	7,000	9,000	<b>6,000</b>

*Sumber: Patients Beyond Borders, North Carolina: Health Trave, Media*

Mengenai perkhidmatan “pakar” yang diberikan oleh hospital swasta, perkara ini sentiasa dipantau oleh Kementerian Kesihatan dengan memastikan bahawa lesen untuk menyediakan perkhidmatan kepakaran tertentu oleh hospital swasta hanya boleh dikeluarkan setelah Kementerian berpuas hati dengan kepakaran yang dimiliki oleh pengamal perubatan dan lain-lain profesional jagaan kesihatan seperti jururawat berserta kelengkapan kemudahan termasuk peralatan di hospital swasta berkaitan. Di samping itu, pengamal perubatan pakar juga perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan mempunyai perakuan amalan tahunan yang sah untuk menjalankan amalan di mana-mana hospital swasta.

Bagi memastikan perkhidmatan “pakar” yang diberikan oleh hospital swasta mencapai piawaian tertentu pula, Kementerian Kesihatan dalam usul untuk

meminda Akta Perubatan 1971 dan Peraturan-Peraturan Perubatan 1974, juga telah mencadangkan supaya mewajibkan Daftar Pakar Kebangsaan di mana hanya pengamal perubatan yang berdaftar dengan Daftar Pakar Kebangsaan ini layak untuk mengamal mengikut bidang kepakaran yang didaftarkan.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah mewajibkan semua hospital swasta untuk mengemukakan kepada Kementerian Kesihatan mana-mana kejadian yang tidak dapat diramalkan atau yang tidak dijangka (*unforeseeable or unanticipated*) dan kematian boleh nilai (*assessable death*) yang boleh dielakkan yang berlaku di hospital swasta bagi menggalakkan perkhidmatan jagaan kesihatan disediakan dengan berkualiti dan selamat. Pihak hospital swasta juga diwajibkan menjalankan tatacara ketidakpuasan hati (*grievance procedure*) sekiranya terdapat apa-apa ketidakpuasan hati

Aliran sekali, hospital swasta juga terlibat secara sukarela dengan akreditasi oleh agensi dalam dan luar negara seperti *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH) dan *Joint Commission International* (JCI) menjalankan akreditasi ke atas hospital termasuk hospital swasta bagi memastikan piawaian tertentu dipatuhi termasuklah memastikan perkhidmatan pakar hanya diberikan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan, terlatih dan berpengalaman.



NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]**  
**TARIKH 1 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pangkalan udara TUDM akan dipindahkan ke Bandar Baru Sendayan, Negeri Sembilan jumlah kos untuk pangkalan tersebut bagaimanakah Kementerian memastikan ciri-ciri keselamatan untuk penduduk tempatan terjamin.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek pembangunan pangkalan TUDM di Bandar Sri Sendayan akan dibangunkan sebagai pusat latihan TUDM. Projek ini akan dilaksana seawal April 2012 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2014. Perpindahan TUDM ke Bandar Sri Sendayan akan dijalankan secara berperingkat selepas pembangunan siap. Kos pembangunan pangkalan TUDM di Bandar Sri Sendayan dianggarkan RM1 bilion. Perancangan dan rekabentuk pembangunan pangkalan TUDM Bandar Sri Sendayan akan dibuat secara holistik termasuk keselamatan penduduk setempat.

**DEWAN RAKYAT PESIBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEPPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS  
(2011)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

DARIPADA : DATO<sup>6</sup> ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR]

TARIKH : 1 NOVEMBER 2011

SOALAN :

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bentuk penguatkuasaan dan pemantauan yang dijalankan oleh Kerajaan bagi membendung aktiviti dan ajaran syiah daripada disebarikan secara berleluasa yang dilihat mampu menggugat akidah umat Islam di negara ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERS JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari hakikat negara Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, maka dalam menyusun kerukunan dan menjaga keharmonian serta sensitiviti beragama, Kerajaan mengambil pendekatan berhemah melalui semangat dan roh Perlembagaan Persekutuan, yang mana agama Islam





sebagai agama bagi Persekutuan dan agama-agama lain bebas mengamalkan ajaran mereka. Namun begitu, bagi memastikan ajaran selain ahli sunnah wal-jamaah yang diamalkan di Malaysia tidak menjejaskan keselamatan negara, pihak Kerajaan bertindak membuat pencegahan awal melalui pembendungan penyebaran selain ahli sunnah wal-jamaah dari terus menular dan mempengaruhi umat Islam di negara ini. Disamping itu dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri yang bertanggung jawab secara langsung dalam hal ehwal agama Islam telah mengadakan usaha-usaha memelihara kesucian fahaman dan pegangan Ahli sunnah Wal Jamaah agar tidak digugat.

Selain itu, pemantauan secara turun padang juga dilakukan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengikuti aktiviti dan perkembangan terkini berkaitan fahaman ini.

Pada masa yang sama, usaha-usaha berterusan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam mencegah penularan fahaman ini, antaranya adalah seperti berikut:-

- i. menyebarkan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang larangan penyebaran Syiah kepada masyarakat;
- ii. sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat larangan ini menerusi media cetak dan elektronik;
- ii. program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak

dan elektronik dari tersebar nya fahaman Syiah menerusi media-media secara berterusan;

- iv. meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi agama dan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam menangani dan menyekat fahaman selain ahli sunnah wal-jamaah dari tersebar kepada masyarakat; dan
- v. mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri yang telah mewartakan kesalahan penyebaran ajaran Syiah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN  
(PENDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.11.2011**

**Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [ PENDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai yang telah dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan selama ini dan berapakah royalti yang telah dibayar

kepada negeri-negeri di mana terdapat telaga minyak yang menjadi pengeluar minyak di dalam negara ini mengikut tahun.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jumlah cukai yang sebahagian besarnya terdiri daripada cukai pendapatan petroleum, cukai pendapatan syarikat dan duti eksport yang telah dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Pusat dari tahun 1974 sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 adalah sebanyak RM272.6 bilion. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, RM250.8 bilion adalah daripada cukai pendapatan petroleum dan cukai pendapatan syarikat serta RM21.8 bilion daripada duti eksport.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah royalti yang telah dibayar kepada negeri-negeri pengeluar minyak dari tahun 1974 sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 adalah seperti berikut:

<b>Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac</b>	<b>Royalti (RM bilion)</b>
1974-2000	14.3
2001	2.0
2002	1.7
2003	2.0
2004	2.3
2005	3.1
2006	3.9
2007	4.2
2008	4.8
2009	6.2
2010	4.1
2011	4.5
<b>Jumlah</b>	<b>53.2</b>

Soalan No : 31

## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISAN**  
**DARIPADA**                      **Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI**  
**(SILAM)**

**TARIKH**                              **01.11.2011**

### **SOALAN:**

**Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [ SILAM ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan kadet tentera di peringkat sekolah menengah, sepertimana kadet bomba dan polis supaya jati diri dan semangat kecintaan kepada negara dapat dipupuk di kalangan pelajar.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kadet Tentera atau lebih tepat lagi Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM) merupakan antara pasukan unit beruniform yang terawal ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara. PKBM merupakan pasukan Badan Beruniform Kerajaan yang pertama ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta PKBM 1967. Akta ini telah memperincikan tentang struktur pengurusan organisasi, latihan, penilaian, keanggotaan, pentadbiran dan logistik PKBM di sekolah-sekolah. Sehingga kini PKBM telah menubuhkan 3 cabang iaitu PKBM Darat, PKBM Laut dan PKBM Udara.

Seperti yang Ahli Berhormat sedia maklum, penglibatan murid aktiviti pasukan unit beruniform merupakan platform terbaik selain pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah untuk menyemai kesedaran dan kepatuhan terhadap agama dan kepercayaan kepada tuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam Falsafah

**Soalan No : 31**

Pendidikan Negara.

Di samping itu, pelbagai aktiviti pasukan beruniform yang menjurus kepada memupuk dan menanam perasaan kekitaan serta perpaduan antara murid pelbagai kaum. Selain itu, murid-murid juga akan dilatih dan dibentuk supaya menjadi individu yang bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan akhirnya kepada negara. Penglibatan murid-murid di dalam pasukan beruniform bukan sahaja menekankan aspek-aspek pembentukan sahsiah semata-mata malah ia turut menerapkan aspek kreativiti dan kemahiran. Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia yakin dengan penglibatan murid dalam mana-mana pasukan beruniform dapat melahirkan generasi masa depan yang berilmu, berkemahiran, cergas dan seterusnya dapat menyumbang tenaga serta fikiran kepada negara.

Rjm53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB L1SAN**

**DARIPADA YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**

**(SEPANGGAR)**

**TARIKH 1 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

## SOALAN NO. 33

### SOALAN

**YB Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan bilangan penerima bantuan dan jumlah peruntukan di setiap negeri bagi setiap kategori bantuan kebajikan sejak 5 tahun terakhir ini serta bilangan yang didaftarkan di Sabah di setiap daerah.





## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya, pesakit kronik terlantar, warga emas, kanak-kanak dan mangsa bencana, tertakluk kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik JKJ, jumlah penerima bantuan kebajikan masyarakat telah meningkat sebanyak 1 kali ganda iaitu daripada 207,828 orang pada tahun 2007 kepada 439,156 orang pada tahun 2011. Jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk manfaat penerima bantuan tersebut meningkat hampir 4 kali ganda iaitu daripada RM322.4 juta pada tahun 2007 kepada RM1.2 bilion pada tahun 2010.

Pecahan terperinci adalah seperti berikut:

1. Tahun 2007 - RM322.4 juta telah dibelanjakan untuk 207,828 orang penerima bantuan;

2. Tahun 2008 - RM371.2 juta untuk 221,602 orang penerima bantuan;

3. Tahun 2009 - RM758.8 juta untuk 353,889 orang penerima bantuan;

4. Tahun 2010 - RM1.2 billion untuk 424,526 orang penerima bantuan; dan

5. Januari hingga Jun 2011 - RM643.4 juta untuk 439,156 orang penerima bantuan

Tuan Yang di-Pertua,

Penerima bantuan kebajikan bagi negeri Sabah mulai tahun 2007 hingga bulan Jun 2011 berjumlah 237,999 orang manakala peruntukan yang telah dibelanjakan

juta. Perincian terkini penerima bantuan kebajikan mengikut skim  
BILANGAN KES DAN JUMLAH PERBELANJAAN BANTUAN KEBAJIKAN  
bantuan untuk Menop dan MERS Sabah adalah seperti berikut:  
BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2011 (SEHINGGA BULAN JUN)

Negeri	2007		2008		2009		2010		2011	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
Johor	42,908	32,812,841	12,105	35,041,741	26,271	63,612,555	35,208	100,643,710	41,285	70,529,534
Kedah	12,045	16,179,122	21,393	40,967,572	30,694	70,545,635	42,033	115,718,093	40,619	60,463,819
Kelantan	16,439	25,491,175	18,062	39,883,800	27,016	61,880,325	31,711	85,344,935	31,656	41,418,461
Melaka	7,001	16,571,663	9,606	14,984,074	18,093	39,123,553	22,991	68,888,841	25,473	39,309,545
Negeri Sembilan	8,451	18,366,272	10,926	24,162,575	16,432	36,744,310	22,206	58,667,152	22,768	35,064,415
Pahang	12,134	14,901,738	36,600	17,390,314	19,259	41,727,974	24,559	56,437,026	20,818	34,511,522
Perak	13,779	22,500,370	17,722	33,536,684	28,548	59,801,156	31,708	85,577,322	33,950	44,009,263
Perlis	4,296	6,192,293	5,048	8,372,011	6,244	10,929,636	6,820	14,659,296	7,169	7,968,350
Pulau Pinang	7,814	15,361,729	10,538	24,761,834	16,078	37,977,149	20,530	57,246,400	22,519	31,354,785
Sabah	23,409	27,956,033	15,599	11,790,529	67,499	121,467,016	60,305	217,866,437	71,187	116,200,521
Sarawak	19,842	38,650,911	11,833	6,304,536	26,406	54,260,442	41,053	103,955,289	54,357	48,295,690
Selangor	10,206	16,543,973	17,150	33,507,288	22,880	52,881,260	38,211	97,657,662	35,299	62,496,706
Terengganu	20,176	51,026,858	22,710	57,887,930	31,120	72,581,473	32,906	90,784,355	16,437	25,576,797
Kuala Lumpur	9,179	19,584,667	12,048	22,105,183	16,823	34,175,832	13,452	40,095,945	14,853	24,961,581
Labuan	149	287,950	262	518,869	526	1,093,247	833	1,912,481	766	1,227,465
<b>Jumlah</b>	<b>207,828</b>	<b>322,427,595</b>	<b>221,602</b>	<b>371,214,940</b>	<b>353,889</b>	<b>758,801,563</b>	<b>424,526</b>	<b>1,195,454,944</b>	<b>439,156</b>	<b>643,388,454</b>

Skim	2007		2008		2009		2010		2011	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
Bantuan Kanak-kanak (BKK)	27,289	72,039,089	37,239	91,853,702	66,912	167,977,282	92,636	290,058,438	101,823	196,719,180
Bantuan Orang Tua (BOT)	27,636	51,632,890	31,042	78,090,700	99,399	228,176,605	120,496	422,456,600	140,406	245,297,418
Bantuan Anak Pelihara (BAP)	123	296,800	221	293,740	140	439,600	181	526,650	125	202,785
Elaun Pekerja Cacat (EPC)	16,045	32,911,000	24,761	58,688,900	35,084	103,725,000	44,679	146,070,900	49,407	85,645,270
Bantuan Am (BA)	90,963	150,907,768	107,979	130,446,802	105,228	200,864,239	113,059	223,760,105	94,097	43,963,137
Geran Pelancaran (GP)	371	863,954	484	1,215,194	598	1,490,540	643	1,572,710	340	841,270
Bantuan Bencana	44,235	11,442,954	6,440	2,409,159	14,232	5,967,203	9,820	4,682,801	7	32,540
Alat Tiruan (AT)	1,166	2,333,140	1,131	2,317,819	1,271	2,502,228	1,533	2,923,240	809	3,124,391
Bantuan pesakit Terlantar (BPT)	<i>mmam</i>	<i>tmBBmmaBM</i> <i>M</i>	3,594	3,736,800	17,297	39,684,450	24,332	81,186,300	27,519	49,138,498

**BILANGAN KES DAN JUMLAH PERBELANJAAN BANTUAN KEBAJIKAN MENGIKUT SKIM  
BAGI TAHUN 2007-2011 (SEHINGGA BULAN JUN)**

Skim	2007		2008		2009		2010		2011	
	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
Latihan Apperantis		IMIMMMfili	914	394,627	1,342	374,200	229	173,200	53	65,210
Bantuan Sekolah		ijMBlp0tppi	7,797	1,767,497	6,177	2,535,166				
Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)					6,209	5,065,050	16,918	22,044,000	24,570	18,358,755
<b>JUMLAH</b>	<b>207,828</b>	<b>322,427,595</b>	<b>221,602</b>	<b>371,214,940</b>	<b>353,889</b>	<b>758,801,563</b>	<b>424,526</b>	<b>1,195,454,944</b>	<b>439,156</b>	<b>643,388,454</b>

**JUMLAH PENERIMA DAN PERBELANJAAN BANTUAN KEBAJIKAN NEGERI SABAH MENGIKUT DAERAH**

**BAGI TAHUN 2011 (SEHINGGA BULAN JUN)**

Bil	Daerah	Bantuan Am (BA)		Bantuan Orang Tua (BOT)		Bantuan Kanak-Kanak (BKK)		Bantuan Pesakit Terantar (BPT)		Elaun Pekerja Cacat (EPC)		Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)		Lain-Lain	Jumlah	
		BIL. KES	JUMLAH	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM		RM	BIL. KES
1	Kota Kinabalu	834	1,386,730	793	1,301,137	159	402,325	225	444,052	160	439,191	3	1,800	3500	2,174	2,992,860
2	Kota Belud	682	1,346,395	3,881	6,406,723	253	849,130	350	697,563	10	23,103	0	0	0	5,176	8,369,112
3	Papar	626	927,495	1,714	3,215,603	295	665,437	202	404,493	26	38,038	28	29,707	35,100	2,891	4,623,725
4	Penampang	455	727,245	720	1,404,628	378	893,986	104	238,061	21	47,373	6	7,200	4,000	1,684	2,803,304
5	Putatan	318	491,895	905	1,775,999	179	559,615	62	186,329	4	7,234	0	0	0	1,468	2,672,608
6	Ranau	519	876,690	1,001	1,624,776	199	625,686	39	83,567	7	13,535	2	1,950	16,000	1,767	2,605,146
7	Tamparuli	728	1,125,315	1,888	4,308,937	117	327,760	225	490,166	13	28,937	0	0	0	2,971	5,483,930
8	Tuaran	353	522,350	1,141	2,029,890	157	274,343	48	105,103	5	7,934	0	0	2,000	1,704	2,569,580
9	Sandakan	1,481	2,283,425	3,044	5,921,780	686	2,313,611	244	504,211	80	158,454	0	0	3,000	5,535	9,563,876
10	Beluran	499	746,740	598	1,051,568	950	2,877,159	92	198,033	1	1,867	0	0	0	2,140	4,346,367
11	Kinabatangan	214	332,960	649	1,223,983	431	1,046,673	13	30,899	1	2,334	0	0	3,500	1,308	2,400,976
12	Telupid	133	234,285	533	1,014,945	408	1,132,494	24	49,157	0	0	0	0	0	1,098	2,264,911
13	Tongod	138	221,340	445	887,588	679	1,685,456	16	27,388	1	2,100	0	0	0	1,279	2,667,072
14	Tawau	978	1,346,575	2,190	3,679,355	500	1,080,860	486	1,017,318	63	137,685	0	0	40,000	4,217	6,307,862
15	Kunak	185	296,585	308	617,444	166	463,752	58	158,941	7	12,135	0	0	0	724	1,338,752
16	Lahad Datu	363	564,370	655	1,057,123	301	790,215	188	350,888	5	9,801	0	0	0	1,512	2,372,590
17	Semporna	705	1,223,375	987	1,620,455	373	771,008	269	514,043	6	14,702	0	0	0	2,340	3,276,930



**BILANGAN PENERIMA DAN PERBELANJAAN BANTUAN KEBAJIKAN NEGERI SABAH MENGIKUT DAERAH  
BAGI TAHUN 2007 HINGGA BULAN JUN 2011**

Bil	Daerah	Bantuan Am (BA)		Bantuan Orang Tua (BOT)		Bantuan Kanak-Kanak (BKK)		Bantuan Pesakit Terlantar (BPT)		Elaun Pekerja Cacat (EPC)		Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)		Lain-Lain	Jumlah	
		BIL. KES	JUMLAH	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM		RM	BIL. KES
18	Keningau	772	1,289,435	2,162	4,237,338	229	585,140	151	306,413	19	38,972	0	0	0	3,333	5,543,846
19	Nabawan	324	507,775	1,012	1,879,284	972	2,408,579	19	41,666	0	0	2	900	0	2,329	4,478,490
20	Sook	249	364,295	602	1,184,479	48	135,364	13	25,983	0	0	0	0	0	912	1,452,050
21	Tambunan	471	689,785	1,035	1,899,652	78	180,680	13	53,839	4	7,001	0	0	0	1,601	2,342,305
22	Tenom	896	1,216,600	2,189	4,167,590	266	512,541	116	211,141	3	7,234	0	0	0	3,470	5,253,253
23	Beaufort	387	541,955	1,326	2,030,713	272	523,588	235	496,487	12	23,803	1	300	0	2,233	3,232,918
24	Kuala Penyu	216	294,475	506	961,245	15	137,330	124	334,736	3	6,768	0	0	1,800	864	1,525,945
25	Membakut	352	495,440	751	1,387,962	309	683,053	37	76,779	0	0	0	0	0	1,449	2,292,259
26	Menumbok	136	179,405	327	618,884	317	772,138	45	98,080	0	0	0	0	0	825	1,541,414
27	Sipitang	116	161,460	730	1,350,516	516	1,069,784	72	157,537	5	10,501	0	0	2,000	1,439	2,635,418
28	Kudat	953	1,487,745	1,787	3,364,975	211	497,101	125	280,195	21	43,639	0	0	2,000	3,097	4,619,719
29	Kota Marudu	1,092	1,452,195	2,242	4,154,422	149	387,764	154	323,032	4	6,301	0	0	4,211	3,641	5,294,962
30	Matunggong	590	875,750	1,105	2,066,512	102	219,260	12	27,153	0	0	0	0	0	1,809	2,568,284
31	Pitas	1,054	1,494,045	2,112	3,919,460	956	2,247,272	71	134,363	4	4,201	0	0	2,000	4,197	6,740,942
	<b>JUMLAH</b>	<b>16,819</b>	<b>25,704,130</b>	<b>39,338</b>	<b>72,364,966</b>	<b>10,671</b>	<b>27,119,105</b>	<b>3,832</b>	<b>8,067,616</b>	<b>485</b>	<b>1,092,844</b>	<b>42</b>	<b>41,857</b>	<b>119,111</b>	<b>71,187</b>	<b>116,200,521</b>

Bil.	Daerah	2007		2008		2009		2010		2011	
		Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
1	Kota Kinabalu	1,356	1,525,253	904	643,279	2,781	5,216,587	2,129	7,791,333	2,174	2,996,360
2	Kota Belud	1,700	2,050,861	1,133	864,956	7,062	11,530,182	2,797	18,742,933	5,176	8,369,112
3	Papar	1,017	1,123,289	678	473,750	2,451	3,779,818	2,449	8,242,763	2,891	4,658,825
4	Penampang	652	743,854	434	313,722	1,470	2,610,485	1,436	4,798,387	1,684	2,807,304
5	Putatan	294	319,662	196	134,818	1,807	3,002,072	1,557	5,751,391	1,468	2,672,608
6	Ranau	1,085	1,247,331	723	526,065	<b>2,210</b>	4,132,05	1,619	6,622,937	1,767	2,621,146
7	Tamparuli	955	1,505,521	637	634,957	3,801	6,301,16	2,536	11,328,624	2,971	5,483,930
8	Tuaran	897	1,017,706	598	429,220	2,004	3,590,816	1,163	5,574,006	1,704	2,571,580
9	Sandakan	1,745	1,880,653	1,163	793,170	5,927	10,645,608	5,691	19,236,144	5,535	9,466,776
10	Beluran	417	499,756	278	210,773	1,130	2,104,405	2,052	6,703,024	2,140	4,346,367
11	Kinabatangan	311	356,605	207	150,399	<b>1,220</b>	2,118,407	1,036	4,233,538	1,308	2,404,476
12	Telupid	199	237,807	133	100,296	931	1,676,446	929	3,436,162	1,098	2,264,911
13	Tongod	274	307,501	182	129,689	907	1,599,990	1,086	4,054,709	1,279	2,667,072
14	Tawau	1,089	1,219,943	725	514,514	2,561	5,037,919	3,137	9,800,979	4,217	6,347,862
15	Kunak	329	347,309	219	146,478	761	1,570,736	784	2,714,730	724	1,338,752
16	Lahad Datu	527	641,161	352	270,411	1,257	2,388,882	1,320	4,444,106	1,512	2,372,590
17	Semporna	1,118	1,470,405	745	620,147	1,560	3,298,950	1,876	5,450,809	2,340	3,276,930

Bil.	Daerah	2007		2008		2009		2010		2011	
		Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
18	<b>Keningau</b>	1,234	1,462,699	822	616,897	3,206	5,238,724	2,916	9,636,906	3,333	5,543,846
19	<b>Nabawan</b>	588	779,165	392	328,615	1,482	3,273,007	1,964	5,554,671	2,329	4,478,490
<b>20</b>	<b>Sook</b>	341	408,388	227	172,239	1,126	1,971,565	801	3,076,976	912	1,452,050
<b>21</b>	<b>Tambunan</b>	609	694,943	406	293,094	1,620	3,745,409	1,246	4,303,555	1,601	2,342,305
<b>22</b>	<b>Tenom</b>	1,184	1,407,352	789	593,554	3,126	5,516,262	3,345	10,131,858	3,470	5,253,253
23	<b>Beaufort</b>	603	652,137	402	275,040	2,230	3,975,720	1,659	6,995,344	2,233	3,232,918
24	<b>Kuala Penyu</b>	296	511,255	197	215,623	1,467	2,194,735	785	3,981,604	864	1,527,745
25	<b>Membakut</b>	301	343,901	<b>201</b>	145,041	<b>1,212</b>	1,902,789	1,334	3,966,475	1,449	2,292,259
26	<b>Menumbok</b>	153	165,036	<b>102</b>	69,604	570	841,055	761	2,216,651	825	1,541,414
27	<b>Sipitang</b>	158	192,466	105	81,173	851	1,304,126	925	3,337,876	1,439	2,637,418
28	<b>Kudat</b>	1,046	1,330,409	697	561,103	2,710	5,576,368	2,767	8,377,522	3,097	4,621,719
29	<b>Kota Marudu</b>	1,078	1,329,813	718	560,852	3,053	6,098,344	3,036	9,493,189	3,641	5,299,173
30	<b>Matunggong</b>	661	776,034	440	327,294	1,410	2,432,816	<b>1,668</b>	4,847,424	1,809	2,568,384
31	<b>Pitas</b>	1,194	1,407,821	796	593,752	3,593	6,791,568	3,501	13,019,811	4,197	6,742,944
<b>JUMLAH</b>		<b>23,409</b>	<b>27,956,033</b>	<b>15,599</b>	<b>11,790,529</b>	<b>67,499</b>	<b>121,467,016</b>	<b>60,305</b>	<b>217,866,437</b>	<b>71,187</b>	<b>116,200,521</b>

QQ  
SOALAN NO.:00

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISAN**

**KAWASAN**

**Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI LEDANG**

**TARIKH**

**1 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang kemajuan IBS dan bagaimana industri ini boleh berkembang tetapi menjimatkan kos bahan binaan selain tidak terlalu bergantung dengan pekerja asing serta tidak dimonopoli oleh satu-satu syarikat atau kilang sahaja.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Binaan Berindustri atau *Industrial Building System* (IBS) merupakan sistem atau kaedah pembinaan di mana komponen-komponen pembinaan dihasilkan dalam keadaan terkawal, iaitu di kilang atau di tapak bina, diangkut dan dipasang dalam kerja pembinaan dengan penggunaan pekerja yang minimum di tapak. Objektif pelaksanaan IBS ini ialah bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam sektor pembinaan negara.

Menerusi dokumen *blueprint* Roadmap IBS 2011-2015 yang disediakan oleh CIDB, pelbagai program telah dirangka bagi mengembangkan penggunaan IBS di kalangan pemain industri pembinaan. Sehubungan itu, CIDB dan JKR telah melancarkan Skim Pembekal Sistem IBS Berdaftar (*Registered IBS System Provider - RISPP*). Menerusi skim ini, semua pembekal IBS perlu melepasi proses tapisan yang ketat sebelum dibenarkan mengambil bahagian sebagai pembekal komponen IBS dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Sehingga Ogos 2011, terdapat peningkatan terhadap bilangan pengilang atau pembekal komponen IBS telah berdaftar dengan CIDB dan JKR, iaitu sebanyak 154 pengeluar berbanding 106 pengeluar pada tahun 2009.



Di samping itu, Program Latihan Pemasang IBS (*IBS Installed*) juga sedang giat dilaksanakan di kalangan pemaju, perekabentuk dan kontraktor di Akademi Binaan Malaysia dan Pusat-Pusat Latihan Bertauliah CIDB di seluruh Malaysia. Sehingga Ogos 2011, seramai 3,722 orang kontraktor telah dilatih sebagai Pemasang IBS. Selain itu, Katalog IBS Kebangsaan Konkrit Pra-Tuang juga sedang disediakan sebagai usaha untuk meningkatkan lagi bilangan pengusaha IBS yang baru, terutamanya di kalangan Bumiputera. Katalog ini dijangka siap pada Disember 2011. Langkah pendaftaran pengeluar dan latihan kontraktor IBS adalah antara usaha kerajaan untuk mempelbagaikan produk dan kepakaran agar ianya tidak dimonopoli oleh sesetengah pihak sahaja.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan rekod CIDB pada masa kini terdapat seramai 272,880 orang pekerja asing dalam sektor pembinaan di Malaysia bagi tempoh tahun berakhir 2010. Jumlah tersebut mencatatkan penurunan sebanyak 21% berbanding 346,300 bilangan pekerja asing berdaftar pada tahun 2009 dan 351,393 orang pekerja asing pada tahun 2008. Di samping itu, berdasarkan kajian ke atas 85 buah projek siap Kerajaan yang menggunakan IBS, didapati peratusan pekerja di tapak bina terutamanya pekerja asing dapat dikurangkan sehingga 46.8% atau sebanyak 116 orang pekerja berbanding projek yang menggunakan kaedah konvensional. Ini telah membuktikan penggunaan IBS telah berupaya mengurangkan pekerja asing di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN GWO-BURNE LOH  
[KELANA JAYA]

**TARIKH** 1 NOVEMBER 2011

**SOALAN:**

TUAN GWO-BURNE LOH minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan susulan terhadap dakwaan beberapa bekas tentera mengenai arahan yang mereka terima untuk membuang undi bagi pihak anggota-anggota tentera.

**JAWAPAN:** YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah menerima aduan rasmi atau petisyen berhubung dengan dakwaan tersebut walaupun SPR sering meminta pihak yang membuat dakwaan tersebut tampil mengemukakan bukti kepada SPR untuk tindakan susulan.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat dan bukti berhubung dengan perkara tersebut diharapkan agar dapat



SOALAN NO.

mengemukakannya kepada SPR secepat mungkin.

Ahli Yang Berhormat juga boleh mengemukakan pandangan dan cadangan penambahbaikan proses pilihan raya yang sedia ada kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :        LISAN  
DARIPADA            DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI  
                              [KAPIT]  
TARIKH                1 NOVEMBER 2011  
SOALAN**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kenapa sehingga ke hari ini negara masih menghadapi masalah kekurangan para doktor yang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan. Jelaskan juga berapakah jumlah serta jenis kepakaran para doktor pakar yang akan ditempatkan di hospital Bahagian Kapit.**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari pada masa ini masih terdapat kekurangan pegawai perubatan yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia terutamanya Pegawai Perubatan Pakar. Walau bagaimanapun, berdasarkan bilangan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah yang dilantik untuk berkhidmat dengan KKM yang telah meningkat seramai 3,217 orang pada tahun 2010 berbanding seramai 2,347 orang pada tahun 2008, ia dijangka dapat membantu Kementerian dalam menangani isu ini.**



Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Kapit merupakan hospital pakar minor dengan 134 buah katil pesakit dalam (*In Patient*) dengan purata pesakit ke klinik pesakit luar ialah 71 orang sehari, manakala purata kemasukan ke wad sehari ialah 13 orang. Pada tahun 2010, Kadar Penggunaan Katil atau *Bed Occupancy Rate* (BOR) bagi Hospital Kapit ialah 39.51 peratus. Pada masa sekarang, terdapat 7 orang Pegawai Perubatan di Hospital Kapit termasuk seorang Pegawai Perubatan Pakar Perbidanan dan Sakit Puan (O&G) secara kontrak bukan warganegara.

Sebagai langkah tambahan bagi menampung keperluan kepakaran di Hospital Kapit, lawatan secara berkala daripada Pegawai Perubatan Pakar turut diadakan yang merangkumi bidang-bidang kepakaran seperti Otorinolaringologi (ORL), Ortopedik, Pediatrik dan Oftalmologi, pengambilan pegawai perubatan dan pakar warganegara asing secara kontrak, pelantikan semula pegawai perubatan dan pakar KKM yang telah bersara secara kontrak dan pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara *sessional*.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

SOALAN NO. 37

**DARIPADA YB DATUK DR. MUHAMMAD LEO**

**MICHAEL TOYAD (MUKAH)**

**TARIKH 1 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

menyatakan berapakah kemudahan yang sedia ada untuk khidmat kepada golongan '*autism*' dan '*Down Syndrome*' yang dikendalikan oleh Kementerian dan di mana lokasi yang disediakan.



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa komited dalam meningkatkan kesejahteraan OKU berteraskan falsafah bahawa golongan ini juga mempunyai hak yang sama dengan orang lain. Mereka juga harus diberi peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain dan seterusnya mendapat akses secara saksama dalam aspek pendidikan, kesihatan, pemulihan, sosial, keselamatan, perlindungan dan sebagainya.

Justeru KPWKM sentiasa memberi penekanan terhadap penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang bersesuaian bagi membantu OKU agar mereka tidak terpinggir dari menikmati arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi merealisasikan komitmen tersebut, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai kemudahan meliputi





aspek penjagaan, pemulihan, pendidikan dan latihan kepada OKU.

Antara kemudahan yang disediakan JKM adalah seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan jagaan, pemulihan dan latihan di institusi kebajikan iaitu di tujuh (7) buah institusi Taman Sinar Harapan (TSH) iaitu di TSH Tampoi, Johor Bahru, TSH Jubli, Johor Bahru, TSH Tuanku Ampuan Najihah, Seremban, TSH Kuala Kubu Bharu, Selangor, TSH Bukit Besar, Kuala Terengganu, TSH Cheras, Selangor dan TSH Jitra, Kedah. Seramai 95 OKU '*Autism*' dan 55 OKU '*Down Syndrome*' mendapat perkhidmatan di TSH ini;
- (ii) Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) untuk pencegahan, intervensi awal, pemulihan, pendidikan, latihan dan pembangunan OKU dalam komuniti. Pada masa ini terdapat 428 buah PDK di seluruh negara yang memberi manfaat kepada 18,943 OKU. Daripada jumlah ini seramai 1,589 OKU '*Autism*' dan 3,416 OKU '*Down Syndrome*' yang mengikuti program PDK; dan

Selain itu, JKM menggalakkan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) menyediakan perkhidmatan sokongan kepada golongan OKU. Bagi tujuan ini, JKM telah menyalurkan bantuan geran berjumlah RM6.53 juta kepada 99 PSK pada tahun 2011. Daripada jumlah ini sebanyak RM1.46 juta telah diberikan kepada PSK yang mengendalikan OKU '*Autism*' dan OKU '*Down Syndrome*'.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN**

**KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN**

**OSMA**

**N [**

**TARIKH  
SOALAN**

**11 NOVEMBER 2011**

**37**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah prosedur standard dan kaedah bagi melupuskan bahan radioaktif terutama yang melibatkan CYANIDE dalam proses perlombongan bagi menjamin keselamatan penduduk dan alam sekitar

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perlupusan sisa radioaktif adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA), iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). **Seksyen 2**, Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011; Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), menyatakan bahawa "tiada seorang pun boleh melupus atau menyebabkan dilupus sisa radioaktif melainkan jika dia adalah pemegang lesen sah yang

dikeluarkan oleh Lembaga". Prosedur dan kaedah pengurusan dan pelupusan sisa bahan radioaktif yang dilaksanakan oleh LPTA adalah seperti berikut iaitu:

- a) dikembalikan kepada pembekal; atau
- b) dilupus di kawasan kemudahan pengurusan sisa radioaktif yang diiktiraf dan diluluskan oleh LPTA

Buangan Sianida (CYANIDE) **bukan merupakan unsur radioaktif** dan merupakan bahan kimia yang dikawal di bawah di Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di bawah kuasa Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

#### **Tuan Yang Di Pertua,**

Buangan Sianida adalah ditakrifkan sebagai buangan terjadual kerana buangan tersebut termasuk di dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Pengendalian dan pelupusan buangan terjadual adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) iaitu salah satu agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

LPTA membenarkan pelupusan sisa bahan radioaktif dengan menggunakan kaedah-kaedah lain yang telah disahkan selamat dan efektif. Semua buangan terjadual hendaklah dikendalikan dan diuruskan mengikut kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Buangan Sianida ini hendaklah dilupuskan di

premis-premis pengolahan dan pelupusan buangan terjadual yang  
dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar

## **PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEECHOO KEONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.11.2011**

**Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa '*soft loan*' berjumlah RM250 juta yang disalurkan kepada Agrosience Sdn Bhd pada tahun 2003 bertujuan untuk mengawal kemasukan daging halal import telah disalahgunakan dan pembentukan National Feedlot Corp Sdn Bhd yang merupakan sebuah pertubuhan dikawal oleh orang yang sama berada dalam syarikat Agrosience Sdn Bhd dan Real Food Company Sdn Bhd dan apakah status '*soft loan*' tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan pada tahun 2006 telah merancang untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan mengurangkan pergantungan negara kepada pengimportan daging dari luar negara. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini. Sehubungan itu, Kementerian tersebut telah menjemput 6 buah syarikat untuk mengemukakan cadangan pelaksanaan pembangunan industri daging tempatan dan sekali gus meningkatkan pengeluaran daging lembu tempatan. Satu Jawatankuasa

## NO SOALAN :

Pemilihan Syarikat Peneraju telah ditubuhkan untuk membuat pilihan syarikat yang memberi cadangan yang terbaik. Berpandukan kepada kriteria yang dikehendaki, syarikat yang memberi cadangan yang terbaik adalah Agrosience Sdn Bhd.

Pada 14 Ogos 2007 Kerajaan telah meluluskan dan menyalurkan pinjaman berjumlah RM250 juta kepada National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC), iaitu anak syarikat Agrosience Sdn Bhd untuk melaksanakan projek Pusat Fidlot Nasional. Tujuan pinjaman adalah untuk membangunkan projek tersebut bagi menampung keperluan daging negara kepada tahap sara diri sebanyak 38%.

Oleh itu, isu penyalahgunaan pinjaman Kerajaan yang disalurkan terus kepada Agrosience Sdn Bhd seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah tidak benar kerana pinjaman tersebut telah diluluskan kepada NFC yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek Pusat Fidlot Nasional.

Setakat 31 Julai 2011, jumlah pengeluaran pinjaman kepada NFC ialah sebanyak RM181.9 juta bagi membiayai pembangunan kandang, bangunan, kilang baja, kilang makanan dan sebagainya. Syarikat NFC telah pun membangunkan Pusat Fidlot Nasional dan kini mengeluarkan produk daging tempatan yang berkualiti tinggi pada tahap komersil. Produk pengeluaran NFC dijual di pasaran-pasaran Hypermarket seperti Jusco, Giant, Carrefour, Cold Storage, pasar segar, kilang pemprosesan daging, restoran dan pasar runcit di seluruh negara. NFC sedang menjalankan peningkatan kapasiti pengeluaran fidlot dari 6,000 ekor kepada 12,000 ekor dan kapasiti penyembelihan di *Abattoir* kepada 200 ekor sehari. Pembangunan ini dijangka siap pada awal tahun depan, 2012.

**No. Soalan: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA PUAN FONG PO KUAN**

**[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH 1 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan rombakan sistem pemberian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam. Nyatakan komposisi individu yang terlibat.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian semula dasar penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mulai tahun 2012 sedang dijalankan berikutan aduan dan rungutan berhubung pengagihan biasiswa JPA kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian di luar negara. Kajian semula dasar penajaan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum akhir tahun 2011.



No. Soalan: 39

Kajian semula dasar penajaan JPA mulai tahun 2012 akan mengambil kira semua aspek termasuk kecemerlangan akademik, latar belakang sosio ekonomi keluarga, *socially disadvantaged* (bagi memberi peluang kepada pelajar luar bandar) dan lain-lain kriteria yang bersesuaian dalam memastikan penganugerahan biasiswa adalah adil dan telus tertakluk kepada keperluan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.